



BARISAN NASIONAL MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Merujuk kepada Kenyataan Media oleh Pengerusi Barisan Nasional yang bertarikh 4 Mac 2021, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi telah mengarahkan agar sedikit kekeliruan terhadap Kenyataan Media berkenaan adalah atas kekhilafan seorang pegawai di Sekretariat Barisan Nasional.

Sehubungan dengan itu, saya telah mewujudkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman pada pagi ini bagi membincangkan penyiaran Kenyataan Media Pengerusi Barisan Nasional yang tidak mendapat kelulusan pihak Sekretariat Dewan Tertinggi Barisan Nasional terlebih dahulu yang kurang tepat sebagaimana yang telah diperbincang dan diputuskan dalam Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional.

Maka setelah mendengar pandangan Jawatankuasa Siasatan Dalaman, saya telah menggantung tugas Ketua Pegawai Media BN bagi tempoh satu (1) bulan berkuatkuasa serta merta. Ini juga bagi membolehkan proses siasatan dalaman dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci dan lebih berkesan.

Sekian, untuk makluman.

MOHAMAD SAHFRI BIN AB AZIZ
SETIAUSAHA EKSEKUTIF
5 Mac 2021